

HIBAH PENYUBUR KASIH SAYANG



MOHAMMAD SALLEH BIN ABDUL SAHA
KETUA BAHAGIAN
DAKWAH & PEMASARAN MAIS



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

HIBAH



“Saya beri rumah ini kepada kamu”

“ayah beri motorsikal ini kat angah”

“mama hadiahkan kamu handphone ini”

“aku sedekahkan kepada engkau basikal aku”

PEMBERIAN SESUATU HARTA ADALAH ADAT KEBIASAAN MASYARAKAT

DEFINISI HIBAH



- Berasal daripada perkataan '*wahaba*' – Pemberian tanpa balasan (al-Marbawi, 1350H)
- Mazhab Maliki - Pemberian milik ketika hidup tanpa balasan. (Ibn Rusd, Muhammad bin Ahmad, 1996)
- Mazhab Shafi'i - Pemberian milik '*ayn*' harta tanpa balasan ketika hidup secara sukarela (al-Sharbini, 1994)

BEZA HADIAH, SEDEKAH & HIBAH

Sedekah

Pemberian yang bertujuan mendapat ganjaran pahala semata-mata.

Hadiah

Pemberian yang bertujuan untuk memuliakan penerimanya.

Hibah

- Pemberian yang tidak dikhususkan dengan niat tertentu.

HIBAH DAN KAITANNYA DENGAN BEBERAPA AKAD ATAU TRANSAKSI MUAMALAH ISLAM

WASIAT



Hibah dan wasiat adalah melibatkan permindahan milik harta secara percuma (tanpa balasan).

Tetapi berbeza daripada sudut berikut:

No.	Hibah	Wasiat
1.	Hibah akad yang melibatkan persetujuan kedua belah pihak (penghibah & penerima hibah)	Wasiat adalah akad berbentuk tasarruf daripada pihak pewasiat sahaja.
2.	Hibah tidak boleh dibatalkan melainkan pada keadaan tertentu yang diharuskan syarak.	Wasiat boleh dibatalkan pada bila-bila masa semasa hayat pewasiat.
3.	Pindah milik harta hibah kepada penerima hibah berlaku semasa hayat penghibah.	Pindah milik harta wasiat hanya berlaku selepas kematian pewasiat.
4.	Harta yang dihibahkan tiada had bahkan penghibah boleh menghibahkan keseluruhan hartanya.	Harta yang diwasiatkan tidak boleh melebihi 1/3 daripada keseluruhan harta peninggalan pewasiat.
5.	Skop penerima hibah adalah luas sama ada waris atau bukan waris.	Penerima wasiat adalah terhad kepada bukan waris melainkan ianya dipersetujui oleh waris-waris lain.

(al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, 1983)



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

SEDEKAH

Hibah dan sedekah adalah sama dari sudut bahawa kedua-duanya adalah pemberian hak milik tanpa balasan ketika hayat pemilik harta dan perbuatan tabarru' yang digalakkan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara kedua-dua dari segi hukum seperti berikut:

No.	Hibah	Sedekah
1.	Hibah lebih kepada untuk mengeratkan kasih sayang dan tali persaudaraan.	Sedekah dilakukan bertujuan untuk meraih pahala dan memenuhi keperluan orang yang memerlukan. (Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah, 835)
2.	Hibah pada asasnya tidak boleh dibatalkan kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh syarak.	Orang yang bersedekah tidak boleh membatalkan (menarik balik) sedekahnya.



HADIAH

Hadiah adalah termasuk perbuatan tabarru' yang dilakukan ketika hayat pemilik harta sama seperti hibah dan sedekah. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara hibah dan hadiah seperti berikut:

No.	Hibah	Hadiah
1.	Hibah adalah berbentuk kontrak yang memerlukan ijab dan qabul.	Hadiah tidak disyaratkan ijab dan qabul bahkan menjadi sempurna dengan pemilik harta menunjukkan keinginannya untuk memberikan hadiah dan penerima hadiah melakukan qabd ke atas harta yang dihadiahkan. (al-Sharbini, t.t.)
2.	Hibah pada asasnya tidak boleh dibatalkan kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh syarak.	Orang yang memberikan hadiah tidak boleh membatalkan (menarik balik) hadiahnya.



WAKAF

Wakaf difahami sebagai bentuk dedikasi harta sama ada secara jelas (sarih) atau sindiran (kinayah) yang mana harta yang diwakafkan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja diambil bagi tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum atau khusus (Siti Mashitoh Mahamood, 2001). Wakaf adalah perbuatan tabarru' sama seperti hibah yang sangat digalakkan oleh syarak. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara hibah dan wakaf seperti berikut:

No.	Hibah	Wakaf
1.	Penerima hibah menerima 'ayn harta yang dihibahkan.	Benefisiari wakaf hanya memperoleh manfaat harta wakaf sahaja.
2.	Pemilikan harta yang dihibahkan tidak boleh dihadkan tempoh masa.	Penetapan tempoh masa dalam wakaf menurut sebahagian fuqaha adalah diharuskan.
3.	Akad hibah akan menyebabkan penghibah kehilangan hak milik terhadap harta yang dihibahkan.	Pemilikan wakaf akan berpindah kepada Allah SWT.

Hibah adalah satu kaedah pengurusan harta orang Islam yang mudah, kerana pemberian ini boleh dibuat secara terus kepada waris atau bukan waris tanpa perlu melalui faraid dan dilaksanakan ketika pemilik harta masih hidup (Mohd Zamro Muda, 2008).

KONSEP HIBAH

Akad pemberian
milik harta
kepada sesuatu
pihak.
Bukan pinjaman
atau sewaan.

1

Harta yang
dihibahkan
adalah ain harta.
Bukan hutang
atau manfaat.

2

Akad pemberian
secara sukarela.
Tanpa paksaan atau
kewajipan seperti
zakat dan kaffarah.

3

Akad hibah
berkuatkuasa
pada masa hidup.
Bukan selepas
mati.

4

Akad dibuat
tanpa
mengenakan
balasan. Bukan
jual beli.

5




DALIL PENSYARIATAN HIBAH



وَأْتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ
عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا

"Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan sukanya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya."
(al-Nisa': 4)



تَهَادُّوا تَحَابُّوا

Hadis daripada Abu Hurairah r.a.:
"Saling memberi hadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling sayang menyayangi."
(Riwayat al-Bukhari)



RUKUN-RUKUN HIBAH



Penghibah (*Wahib*)



Penerima Hibah (*Mawhub Lahu*)



Harta yang Dihibahkan
(*Mawhub*)



Sighah (Ijab & Qabul)



RUKUN-RUKUN HIBAH



Penghibah (*Wahib*)

- Berkeahlian untuk melakukan tabarru' – berakal, baligh, merdeka, sukarela, pemilik sebenar.
- Tidak ditahan hartanya (*mahjur alaih*) atas sebab bodoh (*safih*) atau hutang.
- Tidak berada dalam keadaan **marad al-maut**



AKAN DIBINCANGKAN DALAM TAJUK
HIBAH MARAD AL-MAUT

Seorang bapa atau wali tidak boleh menghibahkan harta milik anaknya yang belum baligh kepada orang lain.

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ
وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا

Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.

Jumhur fuqaha – hibah yang dilakukan oleh orang yang *safih* adalah tidak sah (al-Bahuti, 1982)



RUKUN-RUKUN HIBAH



Penerima Hibah (*Mawhub Lahu*)

- Berkeahlian untuk memiliki dan menerima harta yang dihibahkan sama ada melalui dirinya atau walinya.
- Wujud ketika hibah dilakukan
- Jika penerima adalah kanak-kanak atau orang tak sempurna akal, hendaklah diwakili oleh walinya atau pemegang amanah.

Hibah kepada bayi dalam kandungan adalah tidak sah

Termasuk juga kanak-kanak yang telah mumayyiz dan orang kurang siuman



RUKUN-RUKUN HIBAH



Harta yang D hibahkan (*Mawhub*)

- ✓ Wujud ketika akad hibah dilakukan
- ✓ Telah ditentukan
- ✓ Diiktiraf oleh syarak
- ✓ Dimiliki oleh penghibah



Tujuannya:
Memastikan harta yang dihibahkan bebas daripada unsur **gharar** dan **qabd** dapat dilaksanakan.
(al-Zuhayli (5/3983))


AKAN DIBINCANGKAN
DALAM TAJUK
ELEMEN QABD
DALAM HIBAH

Mazhab Maliki – Gharar tidak memberi kesan kepada kesahan akad hibah (Ibn Rushd, 2003) dan mengharuskan hibah kepada barang yang belum wujud ketika akad hibah dan akan wujud di masa hadapan seperti keuntungan pada masa hadapan, rumah yang masih dalam pembinaan dan seumpamanya.

Sebahagian fuqaha berpendapat gharar memberi kesan kepada kesahan akad hibah sama seperti akad jual beli. Kaedah umum dalam Mazhab Shafi'i "Apa sahaja yang boleh dijual beli, maka ia juga harus dihibahkan"
(Mustafa al-Khin, 2003)

Bagaimana jika harta yang dihibahkan itu dimiliki secara ramai (*al-mal al-musha*)

Jumhur fuqaha - Hibah bagi harta yang dimiliki ramai yang boleh dibahagikan adalah harus, sama ada penerima hibah itu pemilik bersama atau kepada orang lain.
Contoh: rumah / tanah dimiliki beberapa pemilik, syer syarikat



Majlis Agama Islam...



mais_officialhq

RUKUN-RUKUN HIBAH



Sighah (Ijab & Qabul)

- ✓ Apa-apa sahaja yang membawa maksud **ijab (penawaran / offer)** daripada penghibah
- ✓ Apa-apa sahaja yang membawa maksud **qabul (penerimaan / acceptance)** daripada penerima sama ada berupa kata-kata atau perbuatan. (Wahbah al-Zuhayli, 1997)

Mazhab Shafi'i – ijab dan qabul mesti diutarakan menerusi kata-kata dan menetapkan syarat tertentu yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak yang melakukan akad. (al-Sharbini, t.t. 4/63)

Mazhab Hanafi – Sighah merupakan satu-satunya rukun hibah dan tidak sempurna tanpa adanya qabd daripada penerima atau wakilnya.

Mazhab Hanbali – Sesuatu perbuatan yang menunjukkan ijab dan qabul adalah dibolehkan dan ucapan dengan lafaz bukan kemestian.



RUKUN-RUKUN HIBAH



Sighah (Ijab)

- ✓ Ijab adalah pernyataan yang mula-mula dikeluarkan antara kedua pihak yang melakukan hibah.
- ✓ Ketiadaan sighah ijab boleh memberi kesan kepada kesahan hibah itu sendiri.

Fuqaha mengkategorikan lafaz sighah hibah

Sarih (Jelas)

“ayah hibahkan rumah ini kepada kamu”
 “Saya menghibahkan sebuah rumah kepada anak saya..”

Kinayah (Kiasan)

“Pakailah motorsikal ini”
 “Kau gunalah kereta ini”

Bergantung kepada niat pemilik harta

Penggunaan lafaz sighah boleh mengambil kira 'urf masyarakat di sesuatu tempat

Perkara 838, Majallat al-Ahkam al-'Adliyyah

العبرة في العقود للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني

Penentuan kedudukan sesuatu akad itu adalah berdasarkan kepada tujuan dan maksud akad tersebut, bukan berdasarkan lafaz dan struktur akad tersebut.

CONTOH

“Tanah ini ayah bagi kat hang, buatlah rumah”

Lafaz Qabul – “Saya terima”,
 “Saya setuju”

Sighah (Qabul)

- ✓ Jumhur fuqaha – qabul ialah salah satu rukun hibah
- ✓ Hibah ialah suatu kontrak bukan semata-mata kehendak sebelah pihak sahaja

Walaupun bagaimanapun, qabul tanpa **qabd** akan menyebabkan sesuatu hibah yang dibuat menjadi tidak sah.

AKAN DIBINCANGKAN DALAM TAJUK
 ELEMEN QABD DALAM HIBAH

ELEMEN QABD DALAM HIBAH

- ❑ Qabd bermaksud mengambil, menggenggam, memegang dan menguasai.
- ❑ Tindakan penerima hibah untuk menerima serahan, memegang, menguasai barang yang diberi oleh penghibah dan menjadikan barang itu sebagai harta milikannya.
- ❑ Qabd merupakan salah satu syarat yang perlu ada kepada harta yang dihibahkan dan boleh juga dikatakan syarat kepada penerima hibah.

Jika hibah yang mensyaratkan qabd sebagai kaedah untuk menguatkuasakan hibah, maka hibahnya boleh dibatalkan sebelum berlaku qabd.

Jika qabd bukan syarat untuk menguatkuasakan hibah, maka hibah tersebut tidak boleh dibatalkan sebaik sahaja sempurna akad qabul.

Al-Nawawi, 1985; Ibn Rushd, 2003; Ibn Hazm, 2001



KEPERLUAN QABD DALAM HIBAH

- Jumhur fuqaha – qabd ialah syarat untuk menguatkuasakan akad hibah. Hibah yang berlaku dengan semata-mata ijab dan qabul sahaja dianggap belum berkuat kuasa.

- KESANNYA HARTA YANG DIHIBAH MASIH KEKAL DIMILIKI OLEH PENGHIBAH YANG JUGA BEBAS UNTUK BERURUS NIAGA SELAGI QABD OLEH PENERIMA HIBAH BELUM BERLAKU. PENGHIBAH JUGA MASIH BERHAK UNTUK MENARIK SEMULA HIBAHNYA.

Satu riwayat menyatakan bahawa Abu Bakar r.a. telah menghibahkan sebahagian daripada hartanya kepada 'Aishah r.a. Walau bagaimanapun, ketika sedang nazak Abu Bakar menyatakan kepada 'Aishah bahawa harta itu perlu diagihkan kepada waris-warisnya mengikut hukum faraid kerana Abu Bakar mendapati bahawa 'Aishah tidak pernah menerima dan menguasai harta tersebut. (al-Shawkani, 1999)

- ✓ Perlunya qabd dalam hibah juga berdasarkan qiyas kepada qard (pinjaman) yang tidak sabit berlaku pemilikan melainkan dengan qabd. (al-Sharbini, t.t. 4/67)



DHKK

Kanun Tanah Negara
 Borang 11AK
 (Jadual Keempat Belas)

HAKMILIK SEMENTARA
BERSAMAAN DENGAN HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN

No.	H.S.(D) : 48352	Cukai Tahunan : RM5,983.00
-----	-----------------	----------------------------

Negeri : Selangor
 Daerah : Ulu Selangor
 Bandar/Pekan/Mukim : Mukim Rasa
 No. PT : PT 1695
 Luas Sementara : 190.95 Hektar
 Kategori Penggunaan Tanah : Pertanian
 No. Lembaran Piawai : 48-B
 No. Permohonan Ukur : C 264038
 No. Fail : PTHS 3C/5/2011

TANAH SIMPANAN MELAYU
Dalam kawasan ULU RENING TAMBAHAN
No. Pemberitahuan Warta 1300-21P.1

Pajakan selama tempoh 99 tahun berakhir pada 27 April 2098.

Didaftarkan pada 5 Jun 2013

Dokumen hakmilik keluaran dikeluarkan pada 5 Jun 2013

T.M. LL
Pendaftar

T.M. LL
Pendaftar

Pelan inkar/pelan tanah, bagi maksud pengenalan, adalah dikepilkkan pada Borang B2.

SYARAT-SYARAT KHAS MENGENAI HAKMILIK SEMENTARA

1. Hakmilik ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan berikut :

Hakmilik : 100710HSD00048352
 Tarikh : 21/08/2014
 No. Versi : 1
 No. Salinan : 1
 Muka Surat : 1 | 2 |

SDE 01 93374

KADAR HARTA YANG BOLEH DIHIBAHKAN



- Syarak memberi kebebasan kepada pemilik harta untuk memberikan hartanya TANPA TERIKAT KADAR TERTENTU.
- Bahkan, menurut ijmak, adalah harus bagi pemilik harta yang waras fikirannya menghibahkan keseluruhan hartanya (al-Sanhuri, t.t.: 2/100)

Hibahkan semua harta tidak menyalahi hukum faraid ke?

HAK FARAID HANYA WUJUD SELEPAS KEMATIAN PEMILIK HARTA SAHAJA. SEMASA PEMILIK HARTA MASIH HIDUP, DIA BEBAS BERTASARRUF KE ATAS HARTA-HARTA YANG DIMILIKINYA

Perkara 608, Undang-Undang Sivil Iraq memperuntukkan:

“Disyaratkan bagi seorang penghibah itu – berakal, baligh dan ahli tabarru’. Apabila syarat-syarat ini telah dipenuhi, harus baginya dalam keadaan sihat untuk menghibahkan keseluruhan atau sebahagian hartanya kepada sesiapa yang dikehendaki..”



HIBAH SEMASA MARAD AL-MAUT



MARAD AL-MAUT ialah sakit yang biasanya membawa kepada kematian seseorang (al-Shafi'i, 1990).


Subseksyen 2(1), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Seangor) 1999 (Pindaan 2016)

“marad al-maut” ertinya suatu penyakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat-syarat berikut:
(a) Penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian;
(b) Penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda pesakit sehingga boleh menjejaskan kewarasan akal fikiran;
(c) Hendaklah terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius; dan
(d) Penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun.

Hibah yang dibuat oleh penghibah yang sedang MARAD AL-MAUT akan tertakluk kepada **HUKUM WASIAT**

❑ Jika dihibahkan kepada waris, ia perlu mendapat keizinan daripada waris-waris lain selepas kematian penghibah.

❑ Jika dihibahkan kepada bukan waris, ia boleh dilaksanakan pada kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka penghibah.



PENARIKAN BALIK HIBAH

- ❑ Jumhur fuqaha – akad hibah memberikan implikasi PEMILIKAN YANG LAZIM. Penghibah tidak boleh menuntut semula hibah yang telah diberikan.

Hadis daripada Abdullah bin Abbas r.a.:

العائدُ في هِبَتِهِ كَالْكَلْبِ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ

“Orang yang menarik kembali hibahnya adalah seperti seekor anjing yang menjilat kembali muntahnya.”

(Riwayat al-Bukhari)

- ❑ PENGECUALIAN – Bapa boleh menarik balik hibah daripada anaknya.

Hadis Abdullah bin Abbas r.a.:

لَا يَحِلُّ لِأَحَدٍ أَنْ يُعْطِيَ الْعَطِيَّةَ ، فَيَرْجِعَ فِيهَا إِلَّا الْوَالِدَ فِيمَا يَعْطِي وَلَدَهُ

“Tidak halal bagi seorang yang telah memberikan satu pemberian menarik kembali pemberiannya melainkan pemberian seorang bapa kepada anaknya”

(Riwayat al-Nasa’ie)



- ❑ Mazhab Shafi'i – hadis yang mengharuskan penarikan balik (ruju') bagi bapa kepada anak merangkumi semua usul (ibu, datuk, nenek dan seterusnya). (Ibn Qudamah, 2011)

Hibah yang telah berlaku terimaannya (*qabd*) tidak boleh dibatalkan kecuali hibah daripada ibu, bapa, nenek atau datuk kepada anak atau cucu, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Anak atau cucu mestilah mempunyai kelayakan (*ahliyyah*) mengikut Hukum Syarak untuk menguruskan hartanya (*tasarruf*) seperti tidak gila atau tidak muflis;
- b) Harta yang dihibahkan (*mawhub*) hendaklah masih berada dalam pemilikan anak atau cucu tersebut;
- c) Hibah tersebut bukan hibah yang mensyaratkan balasan; dan
- d) Tidak berlaku kerosakan kepada harta yang dihibahkan (*mawhub*). Jika kerosakan itu berlaku pada sebahagian daripada fizikal harta yang dihibahkan (*mawhub*), penarikan balik hibah terhadap bahagian lain yang tidak rosak dibenarkan.

Penarikan balik hibah hendaklah dibuat semasa penghibah dan penerima hibah masih hidup. Hak untuk penarikan balik hibah tidak boleh dipindahkan kepada waris penghibah kerana waris penghibah bukan pihak-pihak dalam akad hibah.



- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 2018 dan 2019 telah memutuskan 14 fatwa berkaitan hibah di negeri Selangor.
- Fatwa hibah ini telah disiarkan dalam Warta Sel.P.U.8 pada 8 April 2021 dan Warta No.1108 yang disiarkan pada 13 Mei 2021.



FATWA HIBAH DI SELANGOR



1. Hibah adalah pemberian secara sukarela yang berkuatkuasa semasa hidup;
2. Hibah yang menetapkan kuatkuasa hibah hanya berlaku selepas kematian penghibah adalah tidak sah dan dianggap sebagai wasiat serta tertakluk kepada hukum wasiat;
3. Hibah yang menetapkan syarat penghibah masih boleh menikmati harta yang dhibahkan (mawhub), adalah sah sekiranya penerima hibah bersetuju dengan syarat yang telah ditetapkan;
4. Hibah yang menetapkan syarat tempoh harta yang dhibahkan (mawhub) akan dikembalikan semula kepada penghibah adalah tidak sah. Hibah tersebut dianggap sebagai pinjaman ('ariyah) dan tertakluk kepada akad pinjaman ('ariyah);
5. Hibah yang menetapkan syarat bahawa terimaan (qabd) ke atas harta yang dhibahkan (mawhub) berlaku selepas kematian penghibah boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh penghibah;



6. Hibah yang telah berlaku terimaannya (*qabd*) tidak boleh dibatalkan kecuali hibah daripada ibu, bapa, nenek atau datuk kepada anak atau cucu, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- Anak atau cucu mestilah mempunyai kelayakan (*ahliyyah*) mengikut Hukum Syarak untuk menguruskan hartanya (*tasarruf*) seperti tidak gila atau tidak muflis;
 - Harta yang dihibahkan (*mawhub*) hendaklah masih berada dalam pemilikan anak atau cucu tersebut;
 - Hibah tersebut bukan hibah yang mensyaratkan balasan; dan
 - Tidak berlaku kerosakan kepada harta yang dihibahkan (*mawhub*). Jika kerosakan itu berlaku pada sebahagian daripada fizikal harta yang dihibahkan (*mawhub*), penarikan balik hibah terhadap bahagian lain yang tidak rosak dibenarkan.

7. Penarikan balik hibah hendaklah dibuat semasa penghibah dan penerima hibah masih hidup. Hak untuk penarikan balik hibah tidak boleh dipindahkan kepada waris penghibah kerana waris penghibah bukan pihak-pihak dalam akad hibah;
8. Hibah antara pemegang akaun bersama adalah sah sekiranya wujud ijab dan qabul dan penguasaan penuh penerima hibah ke atas harta yang dihibahkan (*mawhub*);
9. Hibah harta dalam gadaian adalah sah sekiranya harta yang dihibahkan (*mawhub*) dilindungi oleh takaful seperti MRTT dan MLTT atau mendapat keizinan daripada pemegang gadaian;
10. Hibah ke atas manfaat takaful adalah sah sekiranya ijab dan qabul telah disempurnakan. Penerima adalah benefisiari dan tidak tertakluk kepada hukum faraid;



11. Hibah tanah yang tertakluk di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 adalah sah dengan syarat memenuhi rukun-rukun hibah serta mendapat keizinan daripada Pihak Berkuasa Negeri;
12. Hibah melalui pemegang amanah adalah sah kepada mana-mana penerima hibah termasuklah kanak-kanak di bawah umur, orang yang tidak sempurna akal dan orang kurang upaya dengan syarat rukun-rukun hibah dipenuhi;
13. Hibah wang simpanan atau unit amanah adalah sah sekiranya harta yang dihibahkan (*mawhub*) ditentukan kadarnya; dan
14. Sesuatu hibah bolehlah didokumentasikan supaya mempunyai sifah yang jelas antara penghibah dan penerima hibah ke atas harta yang dihibahkan (*mawhub*) serta memenuhi rukun-rukun hibah.

Sektor Baitulmal

Majlis Agama Islam Selangor

Ting. 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah

40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5514 3773 / 3772 / 2190 / 3570

Faks: 03-5512 4042

www.mais.gov.my

siswa.mais.gov.my

www.efaraid.mais.gov.my



Majlis Agama Islam Selangor



Baitulmal MAIS



mais_officialhq



baitulmalmais



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq